

30 JUL 2003

Politik-Kedah

SEJAUH MANA KEKUATAN UMNO DI KEDAH?

Oleh: Abdul Halim Taib

KUALA LUMPUR: Kedah sememangnya negeri yang majoriti pengundinya ialah Melayu dan kini disebut-sebut mungkin jatuh ke tangan Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Andaian ini sering dicanangkan Pas dengan pelbagai kaedah dan teori ciptaannya.

Namun sejarah membuktikan, sejak merdeka, Kedah belum pernah ditawan Pas sepertimana yang berlaku di Kelantan dan Terengganu.

Kejayaan Pas menawan kedua-dua negeri itu buat kali kedua jelas membulatkan tekadnya untuk mencipta sejarah di Kedah pula.

Sebaliknya, Umno dan Barisan Nasional (BN) telah sekian lama berjuang bermati-matian dan tidak mungkin membiarkan Kedah, negeri kelahiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terlepas ke genggamannya Pas.

BN menyifatkan hasrat Pas untuk menawan Kedah sukar menjadi kenyataan manakala Menteri Besar Kedah Syed Razak Syed Zain pula menganggapnya sebagai angan-angan.

PAS YAKIN TAWAN KEDAH

Pun begitu, Pemangku Presiden Pas yang juga Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang penuh yakin dengan hasrat Pas.

Baru-baru ini, Bernama berpeluang menemu ramah bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff dan beberapa pemimpin negeri untuk mendapatkan pandangan mereka tentang sejauh mana kebenaran dakwaan itu.

Selaku pemimpin berpengalaman dalam politik Kedah, Osman berkata: "Sebenarnya Pas tidak ada kekuatan, keadaannya macam itu juga. Kalau Pas nak menang, ia menang dah."

Namun, beliau akui sebarang kelemahan atau perpecahan Umno boleh memberi kekuatan kepada Pas.

Bagaimanapun, Osman penuh yakin Umno tetap kuat kerana sokongan, restu dan kepercayaan rakyat masih utuh.

Osman merupakan "mastermind" yang membenamkan harapan Pas untuk bertapak di negeri itu sejak sekian lama. Sebelum melepaskan jawatan sebagai menteri besar, beliau berjaya meletakkan BN dan Umno di tempat yang paling selesa.

Sehingga pilihan raya umum 1999, Pas hanya mampu memenangi dua dari 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Sala dan Bukit Raya manakala bagi Parlimen, BN sapu bersih 15 kerusi di Kedah.

PAS BERTAMBAH GHAIRAH

Kedua berubah pada pilihan raya umum 1999 apabila Pas memenangi 12 daripada 36 DUN dan 8 daripada 15 kerusi Parlimen. Perkembangan inilah yang menjadikan Pas bertambah "ghairah" dan bertekad untuk menawan Kedah pada pilihan raya umum akan datang.

Pembangkang menambah satu lagi kerusi DUN, apabila Parti Keadilan Nasional memenangi pilihan raya kecil Lunas pada November 2000.

Bagaimanapun, pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang, BN menang semula kerusi itu manakala Pas mengekalkan kerusi DUN Anak Bukit. Kedua-dua pilihan raya kecil itu diadakan selepas kematian penyandangannya Datuk Fadzil Noor tahun lalu.

"Seperti juga Umno, Pas turut diselubungi masalah tersendiri. Yang penting Umno perlu menangani masalah dalamannya secara bijak serta mewujudkan perpaduan dalam parti," tegas Osman.

Beliau menyifatkan apa yang berlaku di Kedah sekarang merupakan satu dilema keyakinan diri kepimpinan setelah dikritik begitu hebat dari pelbagai sudut.

TERIMA TEGURAN DENGAN SIKAP TERBUKA

Osman berkata sebagai pemimpin yang menduduki "kerusi panas" (menteri besar) sesiapa pun sudah tentu menerima kritikan, namun terimalah ia dengan sikap terbuka.

Yang penting, nilai dan kaji kritikan itu sebagai teguran positif di samping mengambil langkah susulan yang sesuai.

Baginya, kejujuran dan persefahaman amat penting dalam sesuatu perjuangan namun yang menjadi masalah ialah "kita sokong perpaduan, tetapi pada masa yang sama kita tidak buat begitu."

Justeru, beliau merayu agar semua anggota dan pemimpin termasuk Pemuda, Wanita dan Puteri Umno memberikan sokongan padu tidak kira siapa yang memimpin.

"Yang remeh-temeh tetap ada, tetapi yang penting, semangat perjuangan dan sokongan kuat orang Umno, barulah orang luar Umno dan masyarakat umum pandang Umno," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata, jika rakyat hendak menumpang, mereka akan tengok pokok yang rimbun dan jika Umno berpecah belah dan lemah, sudah pasti mereka mencari yang lain sebagai ganti.

"Rakyat tengok apa yang Umno lakukan dan mereka tidak boleh nafi segala kenyataan termasuk dari sektor pembangunan," katanya lagi.

Beliau berkata 'orang atas pagar' yang lari sebelum ini mesti ditarik balik dan usaha ini memerlukan komitmen dari pemimpin dan seluruh anggota parti.

STRATEGI PERLU IKUT KESESUAIAN MASA

"Umno mesti lakukan pendekatan, penyusunan dan strategi baru mengikut kesesuaian semasa demi memantapkan jentera parti," tegasnya.

Osman yakin Umno Kedah mampu menghadapi apa jua cabaran jika ia memperoleh sokongan dari semua anggota dan pemimpin.

Sementara itu, Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri yang baru, Datuk Abdul Rahman Ariffin berkata, usaha pertamanya untuk memantapkan Umno Kedah ialah dengan pelancaran program "Umno Berkampung" oleh Umno Bahagian Padang Serai pada 11 dan 12 Julai lalu.

Abdul Rahman berkata Umno Kedah akan melancarkan program itu di setiap bahagian secara berperingkat-peringkat, bertujuan mengeratkan hubungan dengan penduduk setempat.

Sempena program itu, pelbagai aktiviti kemasyarakatan diadakan, antaranya ialah acara nasyid dan marhaban, semak daftar pemilih dan majlis mesra bersama menteri besar, timbalan menteri atau menteri.

Beliau berkata selain menumpukan kegiatan di kawasan yang dimenangi, sasaran Umno ialah memasuki kubu lawan dan mengenalpasti cara terbaik untuk mengambil hati kumpulan sasaran.

Reaksi program "Umno Berkampung" dan beberapa kegiatan lain mencerminkan bahawa perpaduan dalam Umno semakin pulih dan mantap, katanya.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Padang Terap, Datuk Ghazali Ibrahim berkata sokongan rakyat kepada Umno di bahagian itu amat baik dan menggalakkan.

Sebagai contoh, beliau berkata sejurus selepas pilihan raya umum lalu, sesetengah orang di kawasan itu enggan bersalaman dengannya bila berjumpa di majlis seperti kenduri atau kematian.

"Tetapi keadaan berubah. Kini saya disambut seperti biasa pada majlis-majlis seumpama itu," katanya.

PANDANGAN PEMERHATI POLITIK

Dalam pada itu, para pemerhati politik berpendapat apa yang berlaku pada pilihan raya umum lalu merupakan sesuatu yang tidak diduga dan mungkin juga kesilapan "sensitif" yang sukar ditonjolkan kepada umum.

Satu fakta yang sukar dinafikan, ialah pemilihan kebanyakan calon yang tidak sesuai dan tidak mendapat restu dari bahagian serta cawangan, sekali gus memberikan reaksi dan keputusan yang memmeranjatkan pada pilihan raya umum lalu.

Mereka berkata, kini akibat daripada kempen psikologi yang berterusan dari pihak lawan, pemimpin dan anggota Umno kadang-kadang kelihatan sedikit "gelabah".

"Senario seperti ini, jika dibiarkan akan menjejaskan kredibiliti, semangat juang Umno dan barisan kepimpinannya di mata umum," kata pemerhati politik.

Bagaimanapun, menurut mereka, dengan perubahan masa dan iktibar yang diterima, diharapkan usaha penyusunan semula dalam pucuk pimpinan parti yang menggabungkan pemimpin baru dan lama akan memantapkan semula kedudukan Umno Kedah. -- Bernama

HT RR